

**PANDANGAN TERHADAP KEBERKESANAN LATIHAN INDUSTRI:
TINJAUAN KE ATAS PELAJAR SARJANA MUDA KEJURUTERAAN AWAM
DI KUITTHO**

SYAHIRA BINTI MOHD ZAYADI

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

*Buat Baba, Mama dikasihi...
Terima Kasih Di atas Segala Pengorbanan Dan Sokongan Yang Diberi..*

*Buat Adik-adik tersayang..
Ikhwan, Raihan, Syafiqah
Tawa Kalian Adalah Penyeri HidupKu...*

*Buat Sahabat-sahabat Seperjuangan
Segala Sokongan dan Pertolongan Amat Berharga Bagiku...*



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Almahdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan taufik hidayahNya, akhirnya saya dapat meyelesaikan kajian kes ini dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah pembimbing, Tuan Haji Yusuf Bin Jamar@Jamil di atas bimbingan, perbincangan dan nasihat yang di berikan sepanjang tempoh kajian ini di jalankan. Segala jasa beliau yang tidak terhingga dalam mencurahkan ilmu, hanya Allah SWT yang dapat membalasnya.

Penghargaan ini juga di tujukan khas buat penyelia latihan industri pelajar Kejuruteraan Awam di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) En. Zawawi Bin Daud, yang telah banyak memberi maklumat, panduan, dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan kajian kes ini.

Buat rakan seperjuangan, semoga kejayaan tetap milik kita dan terima kasih atas segala komendan pendapat. Kepada semua responden yang terlibat dalam kajian kes ini, terima kasih atas segalanya.

Akhir sekali, segala jasa kalian, semoga Allah jua yang dapat membalasnya. Apa yang baik datangnya daripada Allah dan segala kekurangan adalah atas kelemahan saya sendiri. Semoga Allah SWT melimpahkan taufik dan hidayahNya kepada kita semua, InsyaAllah Amin.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesan positif Latihan Industri kepada pelajar dalam aspek etika dan keyakinan diri, hubungkait antara teori yang di pelajari dalam situasi kerja yang sebenar dan meninjau tugas sebenarnya di laksanakan semasa pelajar menjalani Latihan Industri. Sampel kajian terdiri dari 44 orang pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang telah menjalani Latihan Industri. Data di kumpul melalui kaedah soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Latihan Industri memberikan kesan positif kepada pelajar dalam aspek etika dan keyakinan diri. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan antara teori yang di pelajari dengan amalan kerja yang sebenar. Bagi meningkatkan mutu Latihan Industri garis panduan yang terperinci perlu di sediakan

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify whether there is a positive effects of the Industrial Training towards the aspects of students ethic, self confident and the relationship between theory and practice. Respondent of the research were 44 Bachelor Of Civil Engineering students. Data was gathered through the distribution of questionnaire. The data has been analyze using SPSS software. The findings showed that Industrial Training results positive effect in ethic and self confident aspect. But there is a different between theory and practice. To enhance the Industrial Training a guideline should be issued.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJAMINAH

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DĒDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	Pengenalan	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	4
1.2	Penyataan Masalah	7
1.3	Persoalan Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Kajian	11
1.9	Penutup	14

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Tujuan Latihan	17
2.3	Keberkesanan Latihan Industri	18
2.4	Keberkesanan Latihan Industri Dari Aspek Nilai Etika Dan Keyakinan Diri	20
2.5	Keberkesanan Latihan Industri Dari Aspek Hubungkait Teori yang Di Pelajari Dalam Situasi Kerja Yang sebenar.	21
2.6	Keberkesanan Latihan Industri Dari Aspek Pengalaman Untuk Bekerja	22
2.7	Kesimpulan	23

BAB III METODOLOGI

3.0	Pengenalan	24
3.1	Rekabentuk Kajian	25
3.2	Kerangkakerja Operasi	26
3.3	Lokasi Kajian	27
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	28
3.5	Respondan Kajian	29
3.6	Instrumen Kajian	30
3.6.1	Demografi Respondan	30
3.6.2	Faktor Keberkesanan Latihan Industri	31
3.6.3	Cadangan Respondan Bagi Meningkatkan Mutu Latihan Industri	31
3.7	Kajian Rintis	32
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	33
3.9	Analisis Data	35
3.9.1	Statistik Deskriptif	35

BAB IV	ANALISIS DATA	
4.0	Pendahuluan	38
4.1	Analisis Kajian Rintis	40
4.2	Analisis Faktor-faktor Demografi	41
4.2.1	Tempat Menjalani Latihan Industri	41
4.3	Analisis Kesan Latihan Industri Dalam Aspek Etika Dan Keyakinan Diri	42
4.4	Analisis Hubungkait Teori Yang Dipelajari Dalam Situasi Kerja Yang Sebenar Semasa Latihan Industri	45
4.5	Analisis Tugas Yang Dijalankan Semasa Pelajar Menjalani Latihan Industri	47
4.6	Analisis Cadangan Pelajar Lepas Latihan Industri Terhadap Peningkatan Mutu Latihan Industri.	51
BAB V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN, CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	39
5.2	Perbincangan	54
5.2.1	Analisis Kesan Latihan Industri Dalam Aspek Etika Dan Keyakinan Diri	54
5.2.2.	Analisis Hubungkait Teori Yang Dipelajari Dalam Situasi Kerja Yang Sebenar Semasa Latihan Industri	55
5.2.3	Analisis Tugas Yang Dijalankan Semasa Pelajar Menjalani Latihan Industri	56
5.2.4	Analisis Cadangan Pelajar Lepas Latihan Industri Terhadap Peningkatan Mutu Latihan Industri.	57
5.3	Kesimpulan	58
5.4	Cadangan	59
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	60

Bibliografi	61
Rujukan	66
LAMPIRAN	
Lampiran A	67
Lampiran B	74
Lampiran C	76
Lampiran D	77
Lampiran E	78
Lampiran F	79
Lampiran G	81



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Peraturan Sektor Latihan Industri	41
4.2	Taburan Julat Skor	42
4.3	Taburan Skor Keberkesanan Latihan Indusri Dari Aspek Etika Dan Keyakinan Diri	43
4.4	Taburan Skor Hubungkait Teori Yang Dipelajari Dalam Situasi Kerja Yang Sebenar Semasa Latihan Industri	45
4.5	Taburan Skor Tugas Penyelia Tapak	48
4.6	Taburan Skor Tugas Juruukur Bahan	49
4.7	Taburan Skor Tugas Pengurusan	50
4.8	Taburan Skor Cadangan Pelajar Lepasn Latihan Industri Terhadap Peningkatan Mutu Latihan Industri.	51

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.2	Kerangkakerja Operasi	25

SENARAI LAMPIRAN

NO LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
Lampiran A	Soal Selidik	67
Lampiran B	Output Analisis Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	74
Lampiran C	Contoh Output Analisis Faktor Demografi	76
Lampiran D	Contoh Output Analisis Kesan Latihan Industri dalam Aspek Etika dan Keyakinan Diri.	77
Lampiran E	Contoh Output Cadangan Pelajar Lepas Latihan Industri Terhadap Peningkatan Mutu Latihan Industri	78
Lampiran F	Contoh Output Analisis Tugas Yang Dijalankan Semasa Pelajar Menjalani Latihan Industri	79
Lampiran G	Contoh Output Analisis Cadangan-Cadangan Pelajar Terhadap Peningkatan Mutu Latihan Industri.	81

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan.

Menurut Datuk Fong Chan Onn, Menteri Sumber Manusia (2002a) menyatakan bahawa dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan, pembangunan sumber manusia telah diberi keutamaan untuk menyokong pelaksanaan pertumbuhan produktiviti yang memerlukan tenaga manusia berkemahiran tinggi, mudah dilatih dan berpengetahuan. Penekanan diberi bagi meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan di semua peringkat sejajar dengan pendemokrasian dasar pendidikan.

Peruntukan pembangunan untuk program pendidikan dan latihan adalah merupakan 20.6% daripada jumlah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat memberi keutamaan yang berterusan kepada pendidikan dan latihan yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian objektif pembangunan negara. Sesungguhnya, kerajaan amat komited terhadap usaha untuk melahirkan lebih ramai warganegara dan tenaga kerja yang berkemahiran, inovatif, kreatif serta berketerampilan. (Fong Chan Onn,2002a)

Kerajaan telah akan terus memainkan peranan penting untuk mengukuhkan pendidikan dan kemahiran rakyatnya. Bagaimanapun, kerajaan tidak mampu berbuat demikian secara bersedirian. Kebanyakan teknologi baru memasuki pasaran negara melalui sektor perindustrian dan teknologi maklumat. Tambahan lagi, pembelajaran merupakan proses sepanjang hayat dan kemahiran yang berkaitan hanya didapati di tempat kerja. Ini bermakna sektor swasta dan institut profesional perlu memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan tahap kemahiran guna tenaga sumber manusia negara (Abdul Latiff, 2000)

Di negara kita yang sedang begitu pesat membangun dalam bidang perindustrian mengalami permintaan terhadap tenaga kerja yang semakin meningkat. yang Ini telah menyedarkan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, untuk membentuk sistem Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang lebih mantap. Ini bermakna bahawa Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia perlu dimaksimumkan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir yang mencukupi selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Menurut Mohd Hussein (1991) di dalam Armanjaya,2000 menyatakan bahawa Perdana Menteri Malaysia, Dato Sri Dr. Mahathir Mohammad dalam kertas kerjanya mengenai Wawasan 2020 telah menyatakan bahawa adalah menjadi tugas utama pendidik dan pelatih teknik dan vokasional menyediakan negara dengan keperluan tenaga mahir dan separa mahir sekiranya Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju setanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Perancis dan Jepun.

Dasar Perindustrian Negara (DPN) yang lebih menumpukan perhatian kepada sektor pemprosesan dan pembuatan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi memerlukan mereka yang tidak sahaja mempunyai keupayaan dalam bidang kemahiran.

Latihan Industri adalah amali di sesuatu organisasi atau industri yang dilalui oleh pelajar dalam jangkamasa yang ditetapkan oleh sesebuah institusi untuk mendapat pengalaman sebenar di organisasi atau industri tertentu. Keperluan latihan industri diserap ke dalam kurikulum pendidikan institusi pengajian bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang berdaya saing yang memenuhi spesifikasi semasa industri. (Khairani, 2001).

Produktiviti industri banyak bergantung kepada tenaga mahir selain daripada pembangunan teknologi. Tanpa tenaga manusia yang berpendidikan, berkemahiran serta bermotivasi tinggi yang dapat menggunakan teknologi moden untuk mengeksploitasikan sumber ekonomi yang terhad, produktiviti akan merosot dan keupayaan negara untuk bersaing dalam ekonomi dunia terjejas. Oleh itu, program-program latihan yang berterusan penting untuk meningkatkan kemahiran tenaga manusia. Sektor swasta dan awam perlu bergabung tenaga untuk menyokong usaha ini.

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn ditubuhkan dengan objektif untuk melahirkan tenaga separa mahir dalam bidang teknikal berasaskan aspek teori dan praktikal. Program latihan industri diperkenalkan dalam kurikulum institusi pendidikan sebagai usaha untuk menjadikan pendidikan dan latihan lebih berintegrasi dengan kemahiran yang diperlukan di negara ini. Kata-kata ini bertepatan dengan saranan bekas Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud bahawa tenaga kerja yang cekap, kreatif dan produktif lahir daripada aktiviti pendidikan dan latihan yang bersepadu (Fong Chan Onn,1994.)

1.1 Latar Belakang Masalah

Program latihan industri telah di jadikan salah satu daripada kurikulum pendidikan KUiTTHO. Pelajar KUiTTHO dari semua kursus di peringkat Sarjana Muda dikehendaki menjalani dengan jayanya selama 1 semester sebagai syarat untuk mendapatkan Ijazah (Khairiani,2001)

Pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah akan melengkapkan kursus selama lima tahun. Program Latihan Industri merupakan kurikulum yang perlu diikuti oleh pelajar Kejuruteraan Awam dengan syarat mereka telah mengambil 90 kredit sekurang-kurangnya.

Pada tahun-tahun sebelum 90 an, pendidikan teknikal dan vokasional lebih menumpukan kepada kemahiran tradisional tetapi tidak untuk hari ini kerana ianya lebih memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam latihan industri. Pelajar adalah bakal pekerja organisasi. Sebagai bakal pekerja, organisasi perlu menyediakan peluang-peluang yang boleh membuka minda pelajar dan menambah ilmu dan kemahiran pelajar semasa menjalani latihan industri. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji setakat manakah tempat latihan industri memberi pendedahan pada pelajar bagi sesuatu projek pembangunan yang dijalankan.

Keperluan untuk mengkaji keberkesanan latihan industri diutarakan Robyn Peterson (1992) di dalam Khairiani (2001). Beliau menyatakan penentuan analisis ke atas latihan industri mesti dibuat secara sistematik dan menyeluruh kerana terdapat program latihan yang kerap menimbulkan masalah daripada menyelesaikan masalah. Oleh itu pengkaji ingin mengkaji keberkesanan program latihan yang dilihat daripada tanggapan pelajar sendiri samada latihan industri yang diikutinya telah membawa nilai tambah (value-added) kepada diri sendiri atau tidak. Nilai tambah yang dimaksudkan adalah dari aspek matlamat-matlamat latihan industri KUiTTHO iaitu adakah pelajar mendapat pendedahan dan kemahiran profesional bagi melahirkan ahli teknologi yang cekap dan bertanggungjawab sejajar dengan matlamat institusi. Jawatankuasa Latihan Industri Jabatan Kejuruteraan Awam KUiTTHO telah menggariskan beberapa objektif latihan industri iaitu :

- i) Untuk membolehkan pelajar melihat dan mengambil bahagian dalam amalan-amalan kejuruteraan selain daripada teori-teori yang dipelajari di dalam bilik-bilik kuliah. Ini juga akan memberikan satu peluang yang lebih awal untuk mengguna dan mempraktikkan pengetahuan serta pertimbangan mereka sendiri dalam menjalankan tugas-tugas kejuruteraan.

- ii) Untuk membolehkan mereka mengenali melalui penglibatan secara langsung dalam berbagai-bagai aspek kejuruteraan seperti konsep perancangan, rekabentuk, pembinaan dan pentadbiran projek-projek kejuruteraan.
- iii) Seperti yang diketahui bahawa kerja-kerja kejuruteraan tidak selalunya berdasarkan kepada kerja-kerja pejabat tetapi melibatkan kerja-kerja di tapak yang berkemungkinan terletak di pendalaman yang sangat mencabar. Maka adalah diharapkan bahawa latihan ini akan mendedahkan pelajar kepada tapak yang sebenarnya
- iv) Untuk mendedahkan pelajaran kepada struktur organisasi jabatan atau firma tempat latihan dan mengenali peranan jawatan tertentu di dalam organisasi tersebut.
- v) Latihan industri ini juga memberi peluang melatih pelajar menulis laporan teknikal yang lengkap dan teratur.

Setelah meneliti Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai latihan untuk pembangunan perindustrian serta ditokok pula dengan statistik tentang kekurangan kemahiran dalam enam industri yang dijangka mengalami pertumbuhan pesat dalam milinium baru ini industri pembinaan, (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1991), maka pengkaji ingin mengkaji keberkesanan latihan industri yang diikuti selama 1 semester oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda.

Pengalaman-pengalaman dan ilmu yang dipelajari daripada industri tidak akan sama dengan apa yang dipelajari secara teori di KUiTTTHO. Dengan kata lain, program latihan industri dapat mengukuhkan hubungan antara ilmu teori dengan perubahan teknologi. Masalahnya ialah setakat mana pelajar memperolehi manfaat daripada program Latihan Industri.

1.2 Pernyataan Masalah

Adakah pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn mendapat pendedahan serta gambaran sebenar mengenai aspek kemahiran kejuruteraan di alam pekerjaan yang sebenarnya.



PTTALUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.3 Persoalan kajian

Bagi mengkaji setakat manakah keberkesanan latihan industri kepada pelajar-pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam. Soalan pengkaji adalah seperti berikut:

1. Adakah Latihan Industri akan memberi kesan positif kepada pelajar dalam aspek etika dan keyakinan diri
2. Adakah pelajar diberi pendedahan tentang hubungkait teori yang dipelajari dalam situasi kerja yang sebenar.
3. Adakah tugas yang dijalankan semasa pelajar menjalani Latihan Industri sesuai dengan kursus yang mereka ambil
4. Apakah cadangan pelajar yang sudah menjalani Latihan Industri bagi meningkatkan mutu Latihan Industri.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini akan meninjau keberkesanan pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) yang telah menjalani Latihan Industri. Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- a) Menenalpasti kesan positif ke atas kepada pelajar Sarjana Kejuruteraan Awam lepasan latihan industri dalam aspek etika dan keyakinan diri.
- b) Meninjau hubungkait antara teori yang dipelajari dalam situasi kerja yang sebenar semasa latihan industri kepada pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam.
- c) Menenalpasti pengalaman kerja atau tugas-tugas yang sering dijalankan oleh pelajar-pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam semasa menjalani latihan industri
- d) Menenalpasti cadangan-cadangan pelajar terhadap peningkatan mutu latihan industri.

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan panduan kepada KUiTTHO untuk meningkatkan lagi mutu Latihan Industri agar bersesuaian dengan objektif latihan yang dijalankan. Dapatan kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada, pensyarah serta di Bahagian Kejuruteraan Awam di KUiTTHO.

Kajian ini penting kerana dapatan kajian membolehkan perubahan-perubahan asas dibuat kepada sistem latihan industri sedia ada supaya menjadi lebih peka kepada keperluan pasaran agar graduan-graduan KUiTTHO memiliki ilmu dan kemahiran yang berdaya saing, dinamik dan dapat mengisi kekosongan tenaga kerja di pasaran global.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan kepada pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTHO yang telah menjalani Latihan Industri.

1.8 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang kerap digunakan dalam kajian kes ini. Bagi memberi kefahaman yang jelas tentang maksud istilah tersebut yang bertepatan maksudnya dengan kajian kes ini, definisi-definisi tersebut dinyatakan di bawah:

1.8.1 Latihan

Latihan ialah pelajaran atau didikan untuk memahirkan (membiasakan)
Kamus Dewan, (1989)

Secara ringkasnya latihan adalah sesuatu yang 'membantu seseorang untuk belajar'. Patrick Forsyth et.al (1992).

Latihan adalah prosedur yang berorientasikan organisasi yang maksudnya memberikan suatu pembelajaran kepada ahli-ahli organisasi. Chruden dan Sherman (1980)

Latihan ialah suatu proses yang sistematik untuk memperbaiki tingkahlaku, pengetahuan dan motivasi sedia ada pekerja supaya ia selari dengan kehendak majikan. George T. Milkovich (1991)

1.8.2 Keberkesanan Latihan Industri

Keberkesanan Latihan Industri disini hanya merujuk kepada nilai etika dan keyakinan diri, hubungkait antara teori yang di pelajari dalam situasi kerja yang sebenar dan peninjauan tugas sebenar di laksanakan semasa pelajar menjalani Latihan Industri.

1.8.3 Etika kerja jurutera

Norma-norma profesional yang menjadi amalan kerja seorang jurutera seperti cekap, tekun menepati masa, jujur, amanah, bertanggungjawab terhadap tugas, hasil kerja yang cemerlang, bekerja dengan penuh semangat dan bijak berkomunikasi serta bergaul dengan orang di persekitarannya.

1.8.4. Keyakinan diri

Keupayaan untuk bekerja secara berdikari, mempunyai inisiatif dan inovatif untuk mencipta sesuatu yang baru.

1.8.5 Latihan industri

Latihan industri adalah program pendidikan yang merupakan langkah untuk mengembangkan potensi pelajar bidang kejuruteraan dan membina keupayaan untuk menjalankan tugas-tugas apabila mereka tamat pengajian untuk membolehkan mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan di agensi atau swasta.

Menurut Khair di dalam Armanjaya (2000) Latihan industri adalah merujuk kepada latihan pekerjaan khusus program latihan khas dalam menyediakan pekerja-pekerja mahir di mana kebiasaannya seseorang akan mengaplikasikan pengetahuan teori mereka ke dalam bentuk pekerjaan sebenar di luar sistem persekolahan bagi menimba pengalaman pekerjaan terhadap sesuatu

1.8.6 Responden

Pelajar semester kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Awam KUiTTHO sesi 2001/2002 yang telah menjalani Latihan Industri.

BIBLIOGRAFI

Abdul Latiff Ahmad (2000) "*Di Majlis Penyampaian Sijil Dan Diploma Pengurusan Sumber Manusia*" Kementerian Sumber Manusia, Malaysia, Retrive Jun 29,2002,from <http://www.mohr.gov.my/makluman/spdm2.htm>

Armanjaya (2000) "*Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Semester 7 Terhadap Program Latihan Industri Di ITTHO Satu Tinjauan*" Dalam Kajian Kes Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Atkinson (1993) "*Labouring to learn? Industrial Training for Slow Learners*" dalam Khairani Othman (2001). "*Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO terhadap keberkesanan Latihan Industri*" Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Chew (1993). "*Education Resourse Development and Economic Growth*". Masalah Pendidikan Kuala Lumpur: Universiti Malaya Jilid18 ms 1-8

Chruden dan Sherman, (1980) Retrive Mei 28,2002 ,from (<http://www.fortunecity.com/meltingpot/eagle/494/latihan.htm>) (2002)

Cascio (1985) Retrive Mei 28,2002 ,from (<http://www.fortunecity.com/meltingpot/eagle/494/latihan.htm>) (2002)

- Fong Chan Onn(2002a) “*Skim Latihan Graduan Dan Skim Latihan Pekerja Yang Dihentikan Kerja & Penganggur*” Kementerian Sumber Manusia, Malaysia,
Retrive Jun 28,2002 ,from <http://www.jaring.my/ksm/bmver/spm251.htm>
- Fong Chan Onn(2002b) “*Perasmian Persidangan Pusat Bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK*” Kementerian Sumber Manusia, Malaysia,
Retrive Jun 28,2002 ,from <http://www.jaring.my/ksm/bmver/spm251.htm>
- Fong Chan Ong (1994). “*Pendidikan dan Latihan ke Arah Mencapai Wawasan 2020*” dalam Ibrahim Abu Shah. “*Perspektif Sumber Manusia Ke arah Mencapai Wawasan 2020*”. Ampang, Hulu Kelang, Selangor :Dewan Bahasa Dan Pustaka ms.3-23
- Isratun Idris (2001) “*Tahap Penglibatan Orang Dewasa Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional Melalui Kelas Anjuran Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS)*” Dalam Kajian Kes Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- George T. Milkovich, (1991) Retrive Mei 28,2002 ,from (<http://www.fortunecity.com/meltingpot/eagle/494/latihan.htm>) (2002)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1991). “ *Politeknik-politeknik Malaysia. Kuala Lumpur* :BPTV.
- Khair dalam Armanjaya (2000) “*Persepsi Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Semester 7 Terhadap Program Latihan Industri Di IITHO Satu Tinjauan*” Dalam Kajian Kes Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

- Khairani Othman et.al (2001). "*Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO terhadap keberkesanan Latihan Industri*" Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.
- Mahadzir Ibrahim. (1990). "*Averting A Bottleneck*" Kuala Lumpur. Business Time, July.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) "*Penyelidikan Pendidikan*" Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Azmi Mohamad Jan (2002) "*Penyeliaan Praktikum Dan Teori-Teori Yang Berkaitan Dengannya*" Jabatan Pengajian Melayu, Jurnal Unit Penyelidikan & Pembangunan. Retrive Jun 28,2002 ,from http://mptb.virtualave.net/kajian/karya_norazmi.htm
- Nor Saidatul Rajeah Bt. Zamzam Amin (1998) "*Keperluan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Kepada Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia Dalam Pemilihan Kerjaya : Satu Kajian Kes*" Retrive Jun 28,2002 ,from http://www.webcastmy.com.my/animasresearchgateway/thesis/thesis_0004:chap5.htm
- Patrick Forsyth et.al(1992). "*Apakah makna latihan yang sebenarnya?*" Retrived Mei 28,2002 ,from <http://www.fortunecity.com/meltingpot/eagle/494/latihan.htm>

Peterson dalam Khairani Othman et.al (2001). "*Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTTHO terhadap keberkesanan Latihan Industri*" Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Robyn Peterson (1992) "Handbook of Practical Program Evaluation" didalam

Khairani Othman etl.(2001). "*Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTTHO terhadap keberkesanan Latihan Industri*" Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Shahron Batram and Brenda Gibson (1993) "*Training Skills*" England: Connought Training.

Shahrom Noordin (1994). "*Sikap Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bermodul: Satu Kajian Rintis*". Jurnal Guru.

Sharil @ Charil Marsuki, et al (1992), "*Pendidikan Di Malaysia*". Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti

Siti Hadijah Alwi (2001). "Laporan Praktikum di Pepustakaan Tun Abdul Razak"

Universiti Teknologi Mara, Retrive Februari ,from

<http://www.itm.edu.my/acactr/ptar/english/html/newsfeb01.html>

Unit Perancangan Ekonomi (1991). "*Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan Untuk Pembangunan Perindustrian*". Jabatan Perdana Menteri.

Woolf, Tanna dan Singh (1985) Retrive Mei 28,2002 ,from
(<http://www.fortunecity.com/meltingpot/eagle/494/latihan.htm>)(2002)



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

RUJUKAN

Lester T. Shapiro (1995) "*Training Effective Handbook*". Dalam Khairani Othman etl.(2001). "*Perspektif Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal KUiTTHO terhadap keberkesanan Latihan Industri*" Jabatan Pendidikan dan Teknikal Kolej Universiti Tun Hussein Onn.

Mokhtar Tamin, Prof. (1990). "*Averting A Bottleneck*" Kuala Lumpur: Business Time, July.

Olen @ Ulin Bin Tabor(1998) "*Gaya Kepimpinan Guru Besar Dengan Keberkesanan Sekolah :Kajian Di Daerah Saratok, Sarawak*" Retrive Jun 28,2002 ,From [Http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0013/penghargaan.htm](http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0013/penghargaan.htm)

Hut Bin Engkeh(1998) "*Perhubungan Di Antara Variasi Orientasi Nilai Guru Dengan Keberkesanan Sekolah Menengah Luar Bandar Di Daerah Saribas, Sarawak.*" [Http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0034/bab4.htm](http://www.webcastmy.com.my/unimasresearchgateway/thesis/thesis_0034/bab4.htm)